

13/11/2001

Perodua sasar cekapkan pengendalian bekalan komponen

PERUSAHAAN Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) mensasarkan mencapai tahap kelulusan operasi pengeluaran keretanya kepada 90 peratus menjelang 2003 dengan menumpukan aspek kelancaran bekalan komponen automotif oleh vendornya menerusi sistem bekalan dan lojistik yang sempurna.

Pengarah Urusan Perodua, Datuk Ab Rahman Omar, berkata sejak Julai lalu, Perodua secara beransur-ansur berjaya meningkatkan tahap kelulusan operasinya yang kini pada tahap 75 peratus berbanding hanya 30 peratus sebelumnya.

Beliau berkata, kejayaan itu banyak bergantung kepada pengendalian bekalan komponen automotif yang lebih cekap serta peningkatan kecekapan pengeluaran.

"Perodua kini menyerahkan urusan pengendalian bekalan dan lojistik komponen automotif kepada pihak ketiga supaya ia dapat dikendalikan dengan lebih cekap dan membolehkan syarikat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengeluaran kereta," katanya kepada pemberita selepas memeterai perjanjian perkhidmatan lojistik dengan Konsortium Logistik Bhd (KLB) di Petaling Jaya, semalam.

KLB diwakili Presiden merangkap Pengerusi Eksekutifnya, Mirzan Mahathir.

Syarikat itu ialah yang kedua dilantik oleh Perodua untuk mengendalikan perkhidmatan lojistik dan penghantaran komponen automotif yang dihasilkan oleh vendor tempatannya di seluruh negara dan Singapura.

KLB mengendalikan urusan penerimaan dan lojistik komponen automotif serta menyusunnya di gudangnya sebelum menghantar ke kilang pemasangan kereta Perodua berdasarkan keperluan.

Rahman berkata, secara khusus KLB akan mengambil alih sepenuhnya fungsi lojistik Perodua.

(END)